



20 JAN, 2026

Rangka prasejarah Gua Chawan sepadan manusia moden

Utusan Malaysia, Malaysia



PENGUNJUNG teruja melihat struktur tulang rangka lelaki berketegingian 163 sentimeter.

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@mediamalaya.com.my

MANUSIA prasejarah di Gua Chawan, Lembah Nenggiri di Gua Musang dikenali pasti berketegingian antara 161 hingga 172 sentimeter.

Usia kematian pula dianggarkan antara 24 hingga 40 tahun.

Dapatan itu diperoleh pasukan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hasil kajian ke atas empat rangka lelaki dan wanita.

Ini sekali gus menunjukkan struktur tulang dan ketinggian mereka hampir sama dengan manusia moden.

Ketua pasukan penyelidik, Fakulti Perubatan, Prof. Dr. Ima Nirwana Soelaiman turut tidak menolak kemungkinan wajah mereka serupa dengan populasi hari ini.

Katanya, hasil penemuan itu tidak mengejutkan kerana manusia prasejarah sekitar 7,000 hingga 9,200 tahun lalu merupakan spesies homo sapiens, sama seperti manusia moden hari ini.

Kajian dilakukan menerusi perbandingan dengan tulang manusia moden yang sepadan dari segi usia, jantina dan ukuran dengan keempat-empat rangka berkenaan.

“Kita dapati saiz, bentuk tulang dan anggaran ketinggian individu prasejarah ini lebih kurang sama dengan manusia moden. Penemuan ini turut menunjukkan yang status kesihatan tulang mereka pun tidak banyak berbeza dengan kita.”

IMA NIRWANA SOELAIMAN



GUA Chawan di Lembah Nenggiri, Gua Musang menjadi tapak arkeologi penting susulan penemuan 18 rangka manusia prasejarah dan pelbagai artifak purba dari 2018 hingga 2023.

empat rangka berkenaan. “Kita dapati saiz, bentuk tulang dan anggaran ketinggian individu prasejarah ini lebih kurang sama dengan manusia moden.”

“Penemuan ini turut menunjukkan yang status kesihatan tulang mereka pun tidak banyak berbeza dengan kita,” katanya selepas menyaksikan Pameran Rangka Manusia Prasejarah di Muzium Anatomi dan Patologi UKM, baru-baru ini.

Antara penyelidik lain dalam pasukan itu ialah Prof. Madya Dr. Elvy Suhana Mohd. Ramli, Prof. Madya Dr. Chin Kok Yong, Dr. Fairus Ahmad dan Dr. Wong Sok Kuan.

Turut terlibat, pakar arkeologi, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Prof. Madya Dr. Zuliskandar Ramli serta pakar odontologi forensik UKM, Dr. Nor Atika Md. Ashar.

Kajian itu melakar sejarah kerana merupakan yang pertama seumpamanya dijalankan di negara ini.

Walaupun sebelum ini beberapa rangka manusia prasejarah pernah ditemukan, termasuk Perak Man yang dianggap tertua, namun tiada kajian biologi tulang secara sistematik dibuat dengan manusia moden.

Kata Ima Nirwana, kaedah pengimejan tanpa musnah digunakan bagi menganalisis tulang-tulang tersebut.

Langkah itu bertujuan memastikan pemeliharaan optimum pada tinggalan prasejarah yang



SALAH satu rangka manusia prasejarah dalam Pameran Rangka Manusia Prasejarah di Muzium Anatomi dan Patologi UKM, baru-baru ini. - UTUSAN/AMIR KHALID

amat bernilai ini. Antara teknologi yang digunakan ialah Dual-Energy X-ray Absorptiometry (DXA), Computed Tomography (CT) dan micro-CT.

KEKANGAN SAMPEL RANGKA TERHAD Antara kekangan yang dihadapi pasukan penyelidikan ialah saiz sampel rangka manusia prasejarah yang terhad.

Kebanyakan yang ditemukan dalam keadaan terlaru rapuh dan pecah, sekali

gus tidak sesuai untuk diimbaz.

Menurut Ima Nirwana, cabaran lain ialah untuk mendapatkan sampel rangka manusia moden yang sepadan bagi tujuan perbandingan.

Selain menggunakan sampel sedia ada di Jabatan Patologi fakulti berkenaan, mereka turut mendapatkan sampel daripada beberapa hospital di seluruh negara.

Bagaimanapun, tidak semua sampel sesuai dari segi umur, jantina dan etnik rangka-rangka tersebut.

“Sebagai contoh, bagi

“Pameran yang julung kali itu secara tidak langsung dapat memberi pendedahan dan pendidikan kepada masyarakat mengenai kesihatan, gaya hidup serta persekitaran hidup manusia prasejarah.”

rangka perempuan, sampel yang digunakan perlu sepadan dengan ketinggian rangka prasejarah iaitu 161 sentimeter, berumur sekitar 30-an ketika meninggal dunia dan warga tempatan.

“Manakala bagi rangka lelaki, sampel perlu mempunyai ketinggian antara 163 hingga 172 sentimeter serta berumur sekitar 24 hingga 40 tahun ketika meninggal dunia,” katanya.

Ujarnya, kajian tidak boleh menggunakan sampel dari negara barat kerana ia tidak sepadan dengan kumpulan etnik rangka prasejarah.

GIGI LENGKAP TAPI HAUS Sementara itu, Nor Atika berkata, jantina dan anggaran umur rangka berkenaan ditentukan menerusi analisis gigi serta tulang rahang.

FAKTA MENARIK TENTANG EMPAT RANGKA GUA CHAWAN

- Tiga rangka adalah lelaki manakala satu wanita.
- Ketinggiannya antara 161 hingga 172 sentimeter.
- Usia kematian dianggarkan antara 24 hingga 40 tahun.
- Ini menunjukkan struktur tulang dan ketinggian mereka hampir sama dengan manusia moden.



20 JAN, 2026

Rangka prasejarah Gua Chawan sepadan manusia moden

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2



ANALISIS tulang-tulang dilakukan menerusi kaedah pengimejan tanpa musnah bagi memelihara tinggalan prasejarah yang amat bernilai itu.

Katanya, gigi merupakan struktur paling tahan dan kekal terpelihara walaupun selepas kematian individu dalam tempoh yang panjang.

“Struktur gigi mereka lengkap, namun menunjukkan tahap kehausan yang ketara kerana pada zaman itu gigi digunakan untuk pelbagai fungsi.

“Bukan sahaja untuk makan, malah turut digunakan ketika memburu dan membuat alatan, sekali gus menyebabkan tahap kehausan gigi jauh lebih tinggi berbanding manusia moden,” katanya.

Katanya, pameran yang julung kali itu secara tidak langsung dapat memberi pendedahan dan pendidikan kepada masyarakat mengenai kesihatan, gaya hidup serta persekitaran hidup manusia prasejarah.

Menariknya, rangka-rangka itu disusun dalam bekas khas mengikut kedudukan ketika kali pertama mereka dijumpai.

Terdahulu, rangka prasejarah itu diekskavasi di Gua Chawan dengan kerjasama Jabatan Warisan Negara (JWN), Kementerian Pelancongan dan Budaya dari 2018 hingga 2023.

Gua batu kapur ini menjadi tapak arkeologi penting negara susulan penemuan 18 rangka manusia prasejarah dan pelbagai artifak purba.

Kawasan ini kini terlibat dalam projek pembinaan empangan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB), yang bakal menenggelamkan gua-gua tersebut.

Sehubungan itu, aktiviti ekskavasi dilaksanakan sebagai sebahagian daripada usaha pemindahan dan pemeliharaan warisan arkeologi negara, termasuk tinggalan rangka manusia prasejarah.